

**THE PHENOMENON OF THE STUDY OF *ILTIFAT* PRONOUNS (KGN):
A PRELIMINARY STUDY**

FENOMENA KAJIAN *ILTIFAT* KATA GANTI NAMA (KGN): SATU SOROTAN AWAL

Muhammad Hakim Kamali, Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawiⁱⁱ & Amirah Ahmad Zainⁱⁱⁱ

ⁱ Pensyarah Kanan, Kolej Permata Insan, Universiti Sains Islam Malaysia. hakimkamal@usim.edu.my

ⁱⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. adiamzar@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. amirah.ahmadzain@usim.edu.my

Article Progress

Received: 10 Julai 2025

Revised: 12 August 2025

Accepted: 28 August 2025

Abstract	<p><i>Iltilfāt is a regular language feature in Arabic that has no equivalent in other language systems and is even considered odd by Western scholars. Therefore, the phenomenon of iltifāt is linked to the aspect of translation, considering the difficulty of translating it into the target language and the challenge for the reader to understand it. This study aims to highlight past research themes related to illiteracy in addition to examining the issue as a recommendation for new research. A qualitative study with a literature review design. Data acquisition through content analysis, that is, from theses, dissertations, journals, books, and papers. This data was analyzed thematically and with descriptive statistics. Findings show 61 foreign and domestic studies on iltifāt with a focus on the theme of the history of development, identification of iltifāt and subtlety of meaning in surahs, hadiths, and literary works, translation of iltifāt in the Quran into English, French, German, and Turkish, in addition to elements of iltifāt in the instinct of Islamic law. Therefore, this study proposes the field of Arabic-Malay translation by focusing on the illustrative element of pronouns that refer to God in the Quran, sustainable translation techniques, and translation quality from the point of view of usability among target readers.</i></p> <p>Keywords: <i>Literature review, Iltilfāt, Arabic, translation, Malay.</i></p>
Abstrak	<p><i>Iltilfāt ialah ciri laras bahasa dalam bahasa Arab yang tiada padanannya dalam sistem bahasa lain malah dianggap ganjil oleh sarjana Barat. Oleh sebab itu, fenomena iltifāt dikaitkan dengan aspek terjemahan memandangkan kesukaran menyerlahkannya ke dalam bahasa sasaran dan cabaran pembaca untuk memahaminya. Kajian ini bertujuan menyorot tema penyelidikan lepas berkaitan iltifāt di samping penelitian isu sebagai saranan kajian baharu. Kajian ini bercirikan kualitatif dengan reka bentuk tinjauan literatur. Pemerolehan data secara analisis kandungan, iaitu daripada tesis, disertasi, jurnal, buku dan makalah. Data kajian dianalisis secara tematik dan statistik deskriptif. Dapatan menunjukkan 61 kajian luar dan dalam negara berkisarkan iltifāt dengan fokus tema sejarah perkembangan, pengenalanpastian iltifāt dan kehalusan makna dalam surah, hadis dan karya sastera,</i></p>

<p>penterjemahan <i>iltifāt</i> dalam al-Quran ke bahasa Inggeris, bahasa Perancis, bahasa Jerman dan bahasa Turki di samping elemen <i>iltifāt</i> dalam instinbat hukum syarak. Oleh hal yang demikian, kajian ini mencadangkan bidang terjemahan Arab-Melayu dengan memfokuskan elemen <i>iltifāt</i> Kata Ganti Nama (KGN) yang merujuk kepada Tuhan dalam al-Quran, teknik terjemahan yang mampan serta kualiti terjemahan dari sudut kebolegunaan dalam kalangan pembaca sasaran.</p> <p>Kata kunci: Tinjauan literatur; <i>Iltifāt</i>; bahasa Arab, terjemahan, bahasa Melayu.</p>

PENDAHULUAN

Kata *iltifāt* secara etimologinya ialah derivasi daripada kata kerja *لَفَّتَ* yang bererti menoleh [لَفَّتَ], berbelok [الَلِيَّ] dan bertukar [صَرَفَ] (Ibn Fāris, 1979; al-Asfahāniy, 1992; Ibn Manẓūr, 1993; al-Zamakhshariy, 1998; al-Fayrūzābādiy, 2005). *Iltifāt* yang tergolong dalam kata terbitan juga bermaksud meninggalkan [التَّرَكُّ] dan berubah [التَّحْوِيلُ] (Lakhḍar, 2016). Maka, istilah *iltifāt* difahami dengan makna perlakuan meninggalkan sesuatu, menoleh, berbelok dan bertukar daripada suatu perkara kepada perkara lain. Kata *iltifāt* dan derivasinya terdapat pada tiga tempat sahaja dalam ayat al-Quran, iaitu ayat 78 surah *Yūnus*, ayat 81 surah *Hūd* serta ayat 65 surah *al-Ḥijr* (Īmān, 2015).

Firman Allah SWT:

﴿قَالُوا أَجِئْتَنَا لِنَلْفِتَنَّا عَمَّا وَجَدْنَا عَلَيْهِ آبَاءَنَا...﴾ (78)

Maksudnya, “Mereka berkata: Adakah engkau datang kepada kami untuk memalingkan kami daripada apa yang kami dapati nenek moyang kami mengerjakannya...(78)” (al-Quran. *Yūnus*: 78).

﴿قَالُوا يَا لَوُطُ إِنَّا رُسُلُ رَبِّكَ لَنْ يَصِلُوا إِلَيْكَ فَأَسْرِ بِأَهْلِكَ بِقِطْعٍ مِنَ اللَّيْلِ وَلَا يَلْتَفِتْ مِنْكُمْ أَحَدٌ إِلَّا أَمْرَاتِكُمْ...﴾ (81)

Maksudnya, “Para malaikat berkata: Wahai Lūṭ, sesungguhnya kami adalah utusan Tuhanmu, mereka sekali-kali tidak akan dapat mengganggu, maka pergilah dengan membawa keluarga dan pengikut-pengikutmu pada akhir malam dan janganlah ada seorangpun di antara kamu yang tertinggal kecuali isterimu...(81)” (al-Quran. *Hūd*: 81).

﴿فَأَسْرِ بِأَهْلِكَ بِقِطْعٍ مِنَ اللَّيْلِ وَاتَّبِعْ أَدْبَارَهُمْ وَلَا يَلْتَفِتْ مِنْكُمْ أَحَدٌ...﴾ (65)

Maksudnya, “Maka pergilah kamu pada akhir malam berserta keluargamu dan ikutilah mereka dari belakang. Jangan ada di antara kamu yang menoleh ke belakang...(65)” (al-Quran. *al-Ḥijr*: 65).

Namun begitu, istilah *iltifāt* muncul lebih daripada 300 kali dalam hadis Baginda SAW yang bermaksud perlakuan berpaling dan menoleh (Īmān, 2015). Contohnya, Āisyat r.a. berkata:

سَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْإِلْتِفَاتِ فِي الصَّلَاةِ؟ فَقَالَ: هُوَ اخْتِلَاسٌ يُخْتَلِسُهُ الشَّيْطَانُ مِنْ صَلَاةِ الْعَبْدِ }

Maksudnya, “Aku bertanya kepada Nabi SAW tentang perlakuan menoleh ketika solat. Baginda menjawab: itu adalah tipu daya syaitan yang menipu solat seseorang hamba” (al-Bukhāriy, no. 3291).

Maklumat etimologi Arab sebelum ini berkaitan makna *iltifāt* secara kebahasaan semata, tidak menghuraikannya daripada sudut istilah dalam penggunaan semasa. *Iltifāt* merupakan laras bahasa yang telah lama dipraktikkan dalam kalangan masyarakat Arab, maka elemen ini mempunyai sejarah perkembangan yang panjang (al-Zagūl, 2005).

Pada fasa awal penggunaannya, *iltifāt* dikenali dengan istilah *i'tirād, istidrāk, rujū', syajā'at, 'arabiyyat, tark, 'udūl, tadhyil, intiqāl, inširāf* dan *khurūj 'an muqtaḍa zāhir* (al-Zagūl, 2005; Sībūkār, 2008; Abd al-Sādat, 2014; Lakhḍar, 2016). Pengistilahan *iltifāt* ini berterusan hingga zaman kontemporari dengan variasi namanya, iaitu *ṣarf, taḥawwūl, intiqāl* dan *talawwun*, (al-Khātib, 2006; Būqumraṭ, 2019). Pelbagai istilah dikaitkan dengan *iltifāt* berpunca daripada kekeliruan dalam membezakan konsep *iltifāt* dengan konsep laras bahasa yang hampir serupa dengannya, iaitu *i'tirād, istidrāk* dan *tadhyil*. Malah sampai ke tahap *iltifāt* dilihat sebagai simbol keberanian masyarakat Arab dalam mengujarkan laras bahasa yang hanya wujud dalam bahasa ibunda mereka, tiada dalam bahasa lain (Ibn al-Athīr, 1960). Pernyataan sebegini seharusnya dimurnikan memandangkan ada laras bahasa dalam bahasa Inggeris yang dilihat hampir sama dengan *iltifāt*, namun tidak dikelaskan secara rasmi dan tiada perbincangan khusus mengenai fenomenanya (Qaḥṭān, 2005).

Abū 'Ubaydaṭ merupakan sarjana terawal yang menekankan *iltifāt* dengan mengisyaratkan fenomenanya dalam ayat 67 surah *Ghāfir*, namun beliau menamakan gaya bahasa tersebut sebagai *tark, taḥwīl* dan *rujū'* (Sībūkār, 2008). Allah SWT berfirman:

﴿هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طِفْلاً...﴾ (٦٧)

Maksudnya, "Dialah (Allah) yang menciptakan kamu daripada tanah, kemudian menjadi (setitis) air benih, kemudian daripadanya terbentuk segumpal darah, seketul daging, kemudian Dia mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak...(67)" (al-Quran. *Ghāfir*: 67).

Ayat ini mengandungi kata طِفْلاً [seorang kanak-kanak], namun makna yang dikehendaki daripadanya ialah kanak-kanak [أَطْفَالًا] dengan pola jamak dan ini merujuk kepada elemen *taḥwīl* (Abū 'Ubaydaṭ, 1981). Walau bagaimanapun, elemen *taḥwīl* dalam ayat tersebut berlainan dengan konsep *iltifāt* yang berkisarkan pertukaran suatu kata secara nyata (Ṭabl, 1998). Kata طِفْلاً yang dikatakan mengandungi makna pola tunggal lalu ditukarkan kepada makna pola jamak hanyalah berdasarkan andaian, tidak berlaku secara nyata (Ṭabl, 1998).

Malahan, istilah *iltifāt* muncul pada kurun ke-3H yang mana diutarakan oleh al-Aṣmā'iy (Ḍayf, 2003; al-Zagūl, 2005). Manakala al-Mūṣliyy dalam al-Ḥātimiy (1979) mengatakan bahawa al-'Aṣmā'iy bertanya: adakah engkau mengetahui tentang *iltifāt* dalam puisi Jarīr? al-Mūṣliyy menjawab: tidak. Apakah itu *iltifāt*? lalu al-Aṣmā'iy terus membacakan bait Jarīr, iaitu:

أَنْتَسَى إِذْ تَوَدَّعْنَا سُلَيْمَى # بَعُودَ بَشَامَةَ سَقِي الْبِشَامِ

Maksudnya, "Adakah engkau lupa bagaimana Sulaymā mengucapkan selamat tinggal kepada kita # Semoga Basyām disirami sebanyaknya!".

al-Aṣmā'iy berpendapat bahawa Jarīr menceritakan tentang Sulaymā pada awal baitnya, namun kisah ini ditukarkan kepada penceritaan mengenai Basyām (al-Bāqillāniy, 1997). Perubahan tersebut hakikatnya hanya berlaku dari sudut makna, bukan elemen bahasa (Fatimah, 2015; Takūk, 2018). Kata سُلَيْمَى ditukarkan kepada kata الْبِشَامِ dalam bait tersebut, namun kedua-duanya tidak merujuk kepada entiti yang sama. Ini berbeza dengan konsep *iltifāt* yang mana *multafat 'anhu* dan *multafat ilayhi* mengisyaratkan kepada entiti yang sama (Sībūkār, 2017). Maka, bait berkenaan tidak memaparkan *iltifāt* tetapi *istiṭrād*, iaitu pertukaran suatu makna kepada makna yang selainnya (al-Ṣa'īdiy, 1999). Contohnya, bait al-Ḥamāsiy:

وَإِنَّا لَقَوْمٌ نَرَى الْقَتْلَ سُبَّةً # إِذَا مَا رَأَتْهُ عَامِرٌ وَسُل

Maksudnya, “Kami adalah kaum Subḥāṭ yang melihat peperangan # Apabila kabilah ‘Āmir dan Sulūl juga melihatnya”.

Dalam rangkap pertama, al-Ḥamāsiy memuji kabilahnya, namun beliau menukarkan kisah kepada penceritaan kabilah ‘Āmir dan Sulūl lalu mengejanya dalam rangkap kedua syair (al-Ṣaʿīdiy, 1999). Literatur terdahulu juga menunjukkan kepelbagaian istilah yang digunakan untuk merujuk kepada *iltifāt* memandangkan sebelum kurun ke-3H, elemen ini tidak dibahaskan secara terperinci sekaligus mengundang konsep yang tidak tepat mengenai *iltifāt* dengan laras bahasa yang hampir serupa dengannya, iaitu *istiṭrād* (Nāṣif, 2014). Maka, tidak hairanlah apabila al-Mūshiy bertanya kepada al-‘Aṣma’iy perihal *iltifāt* yang diandaikan ada dalam puisi Jarīr (al-Ḥātimiy, 1979).

Begitu juga al-Farrā’ yang didapati mengutarakan contoh laras bahasa yang hampir sama dengan *iltifāt*, namun tidak merinci perbincangan mengenai *iltifāt* (Nāṣif, 2014). Pengenalpastian *iltifāt*, pengistilahan serta batasan konsepnya digagaskan oleh Ibn al-Mu’tazz yang menjadi titik tolak kepada perbincangan holistik berkaitan konsep *iltifāt* (Ṭabl, 1998). Ibn al-Mu’tazz dalam Abdullahi (2014) mengatakan bahawa *iltifāt* berasaskan konsep, berikut:

- i. Pertukaran pola Kata Ganti Nama (KGN) sama ada KGN pertama, KGN kedua atau KGN ketiga,
- ii. Perubahan suatu makna asal kepada makna yang selainnya.

Iltifāt merupakan laras bahasa terawal yang menitikberatkan kehalusan ujaran [الْكَلَامُ مَحَاسِينُ] (al-Maṭa’niy, 1992). Elemen ini turut mendapat perhatian al-Farrā’, Abū ‘Ubaydaṭ, Ibn Qutaybaṭ dan al-Mubarrad, namun tiada pendefinisian dan pengistilahan yang tepat daripada mereka sehinggalah Ibn al-Mu’tazz menamakan laras bahasa tersebut sebagai *iltifāt* dan membataskan konsep serta definisinya (Abdel Haleem, 1992). Ibn al-Mu’tazz cenderung kepada konsep *iltifāt* yang berkisarkan pertukaran pola KGN dengan enam kategori (Khalayfāt, 2015).

Ini kerana konsep kedua *iltifāt*, iaitu “perubahan suatu maksud asal kepada maksud yang selainnya” adalah umum berbanding dengan konsep pertama *iltifāt* yang berteraskan pertukaran pola KGN secara khusus (Būqumraṭ, 2019). Malah, pengelasan enam kategori *iltifāt* KGN diperakui oleh kebanyakan sarjana, iaitu al-Madaniy (1968), Ḥusayn (1984), ‘Azfaṭ (1985), al-Qarṭājaniy (1986), al-Ālūsiy (1994), al-Maydāniy (1996), al-Suyūṭiy (2005), al-Zamahsyariy (2009) dan al-Jurjāniy (2017). Enam pola pertukaran KGN tersebut melibatkan (Khalayfāt, 2015):

- i. Pertukaran KGN pertama kepada KGN kedua,
- ii. Pertukaran KGN kedua kepada KGN pertama,
- iii. Pertukaran KGN ketiga kepada KGN pertama,
- iv. Pertukaran KGN pertama kepada KGN ketiga,
- v. Pertukaran KGN ketiga kepada KGN kedua,
- vi. Pertukaran KGN kedua kepada KGN ketiga.

METODOLOGI

Kajian ini bercirikan kualitatif dengan reka bentuk tinjauan literatur. Ahmad Munawar dan Mohd Nor Shahizan (2014) mengatakan bahawa aspek *numerical [kod berangka]* tidak terserlah dalam penyelidikan kualitatif, malah kajian kategori ini memfokuskan aspek penceritaan berkualiti yang tersusun daripada tema yang dijana. Walau bagaimanapun, analisis secara deskriptif boleh diterapkan (Rosinah, 2011). Pemerolehan data adalah secara kandungan, iaitu daripada tesis, disertasi, jurnal, buku, seminar prosiding, kertas kerja dan laman sesawang. Ini selari dengan Ahmad Munawar dan Mohd Nor Shahizan (2014) yang menegaskan bahawa pengumpulan data boleh dijana melalui sorotan terhadap literasi kepustakaan, literasi kesusasteraan, manuskrip mahupun komunikasi.

Data tersebut akan dianalisis secara tematik. Dawson (2002) berpendapat data yang dianalisis secara tema dipanggil tematik yang bersifat induktif. Induktif bererti penjaan tema adalah daripada data dan bukannya menyelidik. Dalam pada itu, data kajian juga dihuraikan secara deskriptif. Pendekatan statistik deskriptif diserlahkan melalui jadual kekerapan, jumlah dan peratusan memandangkan analisis deskriptif dalam kajian kualitatif dilakukan secara asas sahaja (Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan, 2014).

ANALISIS TEMATIK TINJAUAN LITERATUR

Sorotan Kajian *Iltifāt* KGN dalam Al-Quran

Berbagai kajian mengenai *iltifāt* KGN dalam al-Quran yang dihasilkan oleh para sarjana luar dan dalam negara. Sarjana luar negara yang memfokuskan kepada pengenalan *iltifāt* KGN dalam al-Quran ialah al-Bannāniy (1993), Fuwāṭih (2011), Khotijah (2011), Būtra'at (2013), Rābhī (2014), Fatimah (2015), Īmān (2015), Hibāl (2016), 'Arafāt (2017), Elzahra (2017), Arsyad (2018) serta Mahnāwiy (2018). Kajian al-Bannāniy (1993) mengenal pasti *iltifāt* KGN yang terkandung dalam al-Quran bermula daripada surah *al-Fātiḥat* sehingga surah *al-Kahfī*. Ini bertujuan mengesan sejauh mana maksud implisit yang melatari elemen *iltifāt*.

Dapatan al-Bannāniy (1993) menunjukkan sejumlah 350 *iltifāt* terkandung dalam sampel kajian yang mana tiada had bagi makna implisitnya sekaligus menyerlahkan kehebatan al-Quran (al-Bannāniy, 1993). *Iltifāt* KGN ketiga kepada KGN pertama adalah kategori *iltifāt* pertama dalam al-Quran dan pola ini mencapai kekerapan tertinggi, iaitu melebihi 100 kali pengulangan penggunaannya bermula daripada surah *al-Fātiḥat* sehingga surah *al-Kahfī* (al-Bannāniy, 1993).

Namun, Khotijah (2011) menegaskan bahawa *iltifāt* KGN pertama kepada KGN ketiga dalam surah *al-Baqarat* mencapai kekerapan penggunaan tertinggi berbanding dengan kategori lain, iaitu 11 kali pengulangan penggunaannya. Suatu yang pasti ialah *iltifāt* KGN mendominasi dengan 27 kali kekerapan penggunaannya dalam surah *al-Baqarat* (Arsyad, 2018). Khotijah (2011) pula mendapati ketiadaan *iltifāt* KGN pertama kepada KGN kedua dalam surah *al-Baqarat*. Begitu juga *iltifāt* KGN kedua kepada KGN pertama yang tidak dikesan dalam surah *al-Baqarat* (Hibāl, 2016). Malah, Hibāl (2016) mengatakan bahawa *iltifāt* KGN kategori ini jarang terserlah dalam al-Quran.

Menurut 'Arafāt (2017), sebanyak 12 kali pengulangan penggunaan *iltifāt* KGN dalam surah *al-Baqarat* berkaitan bani Israel. Ini kerana kepelbagaian situasi yang dihadapi oleh bani Israel diceritakan dalam al-Quran dan ini mengisyaratkan kepada kedegilan serta kemaksiatan mereka terhadap Allah ('Arafāt, 2017). al-Dulaymiy dan Nūrī (2009) pula memberikan tumpuan kepada pengenalan *iltifāt* KGN dalam surah *al-Baqarat* berdasarkan tujuh qiraat al-Quran. Dapatannya menunjukkan bahawa *iltifāt* KGN adalah gaya bahasa yang terkerap digunakan dalam sampel kajian berbanding dengan gaya bahasa lain (al-Dulaymiy & Nūrī, 2009).

Iltifāt daripada sudut qiraat terbahagi kepada tiga jenis, iaitu tanda titik pada kata, baris dan ikrah kata serta gabungan antara tanda titik, baris dan fleksi (ikrah) kata (al-Dulaymiy & Nūrī, 2009). *Iltifāt* KGN mencapai kekerapan penggunaan tertinggi dengan 11 kali pengulangan penggunaannya dalam surah *al-Baqarat* yang berteraskan tujuh qiraat al-Quran (al-Dulaymiy & Nūrī, 2009). Kajian Mahnāwiy (2018) pula memfokuskan kepada *iltifāt* KGN dalam surah *Yūnus*. Dapatannya menunjukkan *iltifāt* mempengaruhi akidah pendengar, iaitu meyakinkannya tentang keesaan Tuhan dan kenabian baginda SAW (Mahnāwiy, 2018). Ini kerana penerapan *iltifāt* KGN dalam suatu ayat al-Quran mempunyai perkaitan dengan tahap lawan tutur (Mahnāwiy, 2018). Rābhī (2014) dan Fatimah (2015) pula mendapati *iltifāt* KGN mengungguli kategori *iltifāt* yang lain dalam surah *Yūnus* dengan 13 kali pengulangan penggunaannya.

Kajian Būtra'at (2013) yang berkisarkan pengenalan *iltifāt* KGN dalam surah *al-An'ām* menunjukkan kedapatan 22 elemen *iltifāt* KGN melatari ayat surah tersebut. Lapan daripadanya berbentuk pertukaran KGN pertama kepada KGN ketiga manakala tujuh

melibatkan *iltifāt* KGN ketiga kepada KGN pertama. Ini menggambarkan dominasi *iltifāt* KGN kategori berkenaan dalam surah *al-An'ām* berbanding dengan *iltifāt* KGN jenis lain (Būtra'at, 2013). Kajian Elzahra (2017) pula bertujuan mengenal pasti *iltifāt* KGN dalam surah *Maryam*. Hasil kajian menunjukkan sebilangan besar sarjana, iaitu Husayn (1984), 'Azfaṭ (1985), al-Qarṭājanniy (1986), al-Ālūsiy (1994), al-Maydāniy (1996), al-Suyūṭiy (2005), al-Zamakhsyariy (2009) dan al-Jurjāniy (2017) menegaskan bahawa *iltifāt* terbatas kepada pertukaran KGN sahaja (Elzahra, 2017). *Iltifāt* KGN didapati mencapai pengulangan penggunaan tertinggi dalam surah *Maryam* dengan lapan kali kekerapan penggunaannya (Elzahra, 2017).

Fuwāṭih (2011) pula membincangkan pengenalanpastian *iltifāt* KGN dalam ayat al-Quran berkaitan hukum syarak. Dapatannya menunjukkan bahawa *iltifāt* KGN memberi implikasi kepada istinbat hukum. Contohnya, ayat 111 surah *al-Tawbat*:

﴿إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنْفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنْ هُمْ الْجَنَّةَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعَدًّا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ وَالْقُرْآنِ وَمَنْ أَوْفَى بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ فَاسْتَبْشِرُوا بِاللَّهِ الَّذِي يَبْعَثُكُمْ فِيهِ لِبَيْعْتُمْ بِهِ وَذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ﴾

Maksudnya, "Sesungguhnya Allah membeli daripada orang yang beriman akan jiwa dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga, (disebabkan) mereka berjuang di jalan Allah. Maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunuh. (Balasan syurga berkenaan) sebagai janji benar yang ditetapkan oleh Allah dalam Taurat, Injil serta al-Quran. Dan siapakah yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah? Oleh sebab itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu lakukan dan (ketahuilah bahawa) jual-beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar (111)" (al-Quran. *al-Tawbah*: 111).

Dalam firman tersebut, adanya *iltifāt* KGN ketiga هُمْ pada kata kerja يُقَاتِلُونَ, يُقَاتِلُونَ kepada KGN kedua أَنْتُمْ pada kata kerja اسْتَبْشِرُوا dan entiti kedua-dua KGN tersebut ialah golongan yang beriman (Fuwāṭih, 2011). Ayat berkenaan menceritakan perlakuan berjuang di jalan Allah dan mengisyaratkan kepada suatu pekerjaan, faktor pekerjaan serta galakan kepada pekerja (Fuwāṭih, 2011). Upah adalah faktor yang merangsang pekerja berusaha bersungguh-sungguh. Maka, ganjaran syurga menggalakkan seseorang berjihad (Fuwāṭih, 2011).

Namun, tidak dinafikan bahawa apabila seseorang melakukan suatu pekerjaan, dia cenderung kepada kepenatan lalu timbulnya sikap lemah dan berlengah-lengah (Fuwāṭih, 2011). Oleh sebab itu, penerapan *iltifāt* KGN dalam ayat tersebut bertujuan menenangkan orang yang beriman sekaligus merangsang mereka supaya konsisten berjuang di jalan Allah (Fuwāṭih, 2011). Justeru, hikmah daripada firman tersebut ialah sesiapa yang berperang bagi tujuan menegakkan syariah Allah, maka dia berada di jalan-Nya (Ismā'il, 1997; Fuwāṭih, 2011).

Penyelidikan berkaitan *iltifāt* KGN dalam al-Quran turut mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji tempatan. Mohd Shahrizal dan Kamarul Shukri (2012) memfokuskan kepada *iltifāt* KGN yang menyerlahkan ciri *i'jāz bayāniy* [mukjizat bahasa] dalam al-Quran. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan *iltifāt* KGN meningkatkan kefahaman terhadap ciri mukjizat bahasa al-Quran sekaligus menjadi bukti bahawa al-Quran ialah Kalamullah. Mohd Shahrizal dan Kamarul Shukri (2012) menegaskan bahawa *iltifāt* KGN terbahagi kepada enam kategori, iaitu:

- i. *Iltifāt* KGN ketiga kepada KGN kedua,
- ii. *Iltifāt* KGN kedua kepada KGN ketiga,
- iii. *Iltifāt* KGN ketiga kepada KGN pertama,
- iv. *Iltifāt* KGN pertama kepada KGN ketiga,
- v. *Iltifāt* KGN kedua kepada KGN pertama,
- vi. *Iltifāt* KGN pertama kepada KGN kedua.

Ayat 23-24 surah *Fuṣṣilat* yang mengandungi *iltifāt* KGN menyerlahkan kehebatan gaya bahasa al-Quran serta mengisyaratkan kepada makna implisit. Allah SWT berfirman:

﴿وَذَلِكُمْ ظَنُّكُمُ الَّذِي ظَنَنْتُمْ بِرَبِّكُمْ أَرْدَأَكُمْ فَاصْبِحْتُمْ مِنَ الْخَاسِرِينَ فَإِنْ يَصْبِرُوا فَالنَّارُ مَثْوًى لَهُمْ...﴾

Maksudnya, “Dan sangkaan kamu yang demikian, iaitu terhadap Tuhan kamu, itulah yang telah membinasakan kamu (dengan sangkaan kamu yang salah), maka kamu adalah daripada kalangan orang yang rugi. Oleh sebab itu, sama ada mereka bersabar dalam penderitaan atau sebaliknya (maka sama sahaja) kerana nerakalah tempat tinggal mereka...” (al-Quran. *Fuṣṣilat*: 23-24).

Ayat ini menggambarkan keadaan orang yang melakukan dosa dan berburuk sangka kepada Allah, iaitu terkeluar daripada rahmat-Nya serta dimasukkan ke dalam neraka (Ibn Kathīr, 1998). Dalam firman tersebut, KGN kedua *أَنْتُمْ* ditukarkan kepada KGN ketiga *هُمْ* dan kedua-dua KGN ini merujuk kepada golongan yang kafir (Ibn Kathīr, 1998). Menurut Ibn Kathīr (1998), pada awalnya KGN kedua *أَنْتُمْ* digunakan bertujuan menyerlahkan teguran langsung daripada Tuhan terhadap orang kafir. Namun, KGN berkenaan ditukarkan kepada KGN ketiga *هُمْ* yang terkandung pada rangkaian kata *فَإِنْ يَصْبِرُوا فَالنَّارُ مَثْوًى لَهُمْ* [oleh sebab itu, sama ada mereka bersabar dalam penderitaan atau sebaliknya (maka sama sahaja) kerana nerakalah tempat tinggal mereka]. Timbulnya *iltifāt* KGN bertujuan menjelaskan balasan buruk yang akan menimpa orang kafir (Ibn Kathīr, 1998).

Jika diamati, KGN kedua *أَنْتُمْ* diserlahkan tatkala Allah menegur kesalahan orang kafir untuk merujuk kepada situasi teguran secara langsung. Namun, ketika dijelaskan tentang azab yang akan menimpa orang kafir, KGN ketiga *هُمْ* digunakan. Ini bertujuan mengisyaratkan bahawa Allah seakan-akan tidak menyatakan hukuman berkenaan secara langsung kepada orang kafir (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2012).

Hasil kajian Ma’ahad (2018) menunjukkan bahawa syarat *iltifāt* KGN ialah pertukaran KGN berlaku secara nyata dan entiti antara suatu KGN dengan KGN lain adalah sama (Ma’ahad, 2018). Disimpulkan juga bahawa *iltifāt* KGN dalam al-Quran tidak hanya terbatas dalam satu ayat malah wujud dalam dua atau tiga ayat tanpa had (Ma’ahad, 2018). Seiringan dengan itu, kajian al-Bannāniy (1993), Khotijah (2011), Mohd Shahrizal dan Kamarul Shukri (2012), Rābhī (2014), Fatimah (2015), Īmān (2015), Hibāl (2016), ‘Arafāt (2017), Elzahra (2017), Arsyad (2018), Ma’ahad (2018) serta kajian Mahnāwiy (2018) cenderung kepada pengenalpastian *iltifāt* KGN serta perkaitannya dengan fungsi dan makna implisit. Kajian-kajian ini tidak menekankan *iltifāt* KGN Ilahi dalam al-Quran, teknik terjemahannya ke bahasa Melayu mahupun penilaian kualiti terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi.

Sorotan Kajian *Iltifāt* KGN dalam Hadis

Kajian untuk mengenal pasti *iltifāt* KGN turut mengetengahkan hadis sebagai sampel. Aḥmad dan Sakrān (2010) memfokuskan kepada pengenalpastian *iltifāt* KGN dalam hadis berkaitan doa. Dapatan menunjukkan terdapat lima hadis nabi Muhammad yang mengandungi *iltifāt* KGN dan dalam ilmu balaghah, *iltifāt* KGN tergolong dalam perbahasan ilmu bayan (Aḥmad & Sakrān, 2010). Antara perkara yang dapat disimpulkan juga bahawa penerapan *iltifāt* KGN dalam hadis adalah berdasarkan konteks yang melatarinya. Umpamanya, hadis tentang doa sebelum dan selepas tidur:

{عَنْ حُذَيْفَةَ، قَالَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَرَادَ أَنْ يَنَامَ قَالَ بِاسْمِكَ اللَّهُمَّ أُمُوتُ وَأَحْيَا. وَإِذَا اسْتَيْقَظَ مِنْ مَنَامِهِ قَالَ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحْيَانَا بَعْدَ مَا أَمَاتَنَا، وَإِلَيْهِ النُّشُورُ}

Maksudnya, “Daripada *Hudhayfah*, nabi SAW bersabda: Sesiapa yang berkehendak akan tidur, maka bacalah bismika *allāhumma amūtu wa aḥyā* (dengan nama *Engkau* ya Allah aku tidur dan aku bangun). Jika seseorang terjaga daripada tidur, maka bacalah *al-ḥamdulillāhilladhī ba’damā amātanā wa ilayhinnusyūr* (pujian kepada Allah yang

menghidupkan kami setelah Dia mematikan dan hanya kepada-Nya tempat kembali)" (al-Bukhāriy, 6324; al-Muslim, 2692).

Hadis tersebut memaparkan pertukaran KGN kedua *أَنْتَ* pada rangkai kata *بِاسْمِكَ* kepada KNK *اللَّهِ* dan kedua-dua KN tersebut mengisyaratkan kepada Allah (Aḥmad & Sakrān, 2010). Aḥmad dan Sakrān (2010) mengatakan bahawa KGN kedua *أَنْتَ* digunakan dalam doa sebelum tidur *[بِاسْمِكَ اللَّهُمَّ أَمُوتُ وَأَحْيَا]* untuk menyerlahkan sepenuh kepatuhan dan penyerahan diri kepada Allah. Namun, KGN kedua *أَنْتَ* tersebut ditukarkan kepada KNK *اللَّهِ* dalam doa ketika terjaga daripada tidur *[الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحْيَانَا بَعْدَ مَا أَمَاتَنَا، وَإِلَيْهِ التُّشُور]* (Aḥmad & Sakran, 2010). Fungsinya adalah untuk mengisyaratkan bahawa perlakuan menghidupkan manusia *[أَحْيَانَا]* dan perlakuan memamatkannya *[أَمَاتَنَا]* dikhususkan kepada Allah SWT (Aḥmad & Sakran, 2010).

Dalam pada itu, kajian Hamadāniy (2016) juga berkisarkan *iltifāt* KGN dalam hadis. Dapatannya menunjukkan bahawa fungsi balaghah *iltifāt* KGN dalam hadis cenderung kepada aspek *targhib [galakan]* dan *tarhib [ancaman]*. Hal ini demikian kerana norma hadis baginda SAW memfokuskan kepada galakan dalam mendapatkan pahala dan syurga Allah di samping ancaman terhadap azab dan neraka (Hamadāniy, 2016). Oleh hal yang demikian, kajian Ahmad dan Sakran (2009) serta kajian Hamadāniy (2016) hanya memuatkan perbincangan *iltifāt* KGN dalam hadis tanpa memfokuskan kepada *iltifāt* KGN Ilahi dan teknik terjemahannya ke bahasa Melayu.

Sorotan Kajian *Iltifat* KGN dalam Kesusasteraan Arab

Selain kajian yang mengenal pasti *iltifāt* KGN dalam al-Quran dan hadis, penyelidikan berkaitan *iltifāt* KGN dalam Kesusasteraan Arab turut diketengahkan. Misalnya, kajian al-Khaṭīb (2006), Baḥār (2011), Ṭabsiy (2013), Abdullahi (2014), 'Abd al-Sādaṭ (2014), Kharāb (2015), al-Hadrūsīy (2016), Waqqāf dan 'Ayd (2016) serta kajian Mas'ūdiy et al. (2017). al-Khaṭīb (2006) memfokuskan kepada *iltifāt* KGN dalam syair al-Bardūniy. Dapatannya menunjukkan *iltifāt* dinamakan dengan istilah lain pada zaman moden, iaitu *التَّلَوُّنُ* dan *العُدُولُ*, *الإِتِّقَالُ*, *التَّحْوُلُ*, *الصَّرْفُ* (al-Khaṭīb, 2006).

Oleh sebab *iltifāt* KGN mempengaruhi emosi pendengar, maka elemen berkenaan diterapkan dalam syair al-Bardūniy. Ini bertujuan menyerlahkan penceritaan kehidupan kaum yang hidup pada zaman al-Bardūniy serta kebimbangan mereka (al-Khaṭīb, 2006). Kajian Baḥār (2011) pula mengenal pasti *iltifāt* dalam syair Ibn Abīh yang terkandung dalam wacananya berjudul al-Bitrā'. Baḥār (2011) menegaskan bahawa *iltifāt* termasuk dalam cabang perbincangan ilmu *al-Badī'*. Disimpulkan juga bahawa terdapat *iltifāt* jenis lain yang terkandung dalam syair Ibn Abīh, iaitu *iltifāt* pola bilangan, *iltifāt* pola kata serta *iltifāt* pola partikel (Baḥār, 2011). Pengaplikasian *iltifāt* dilihat memberi kesan kepada jiwa dan emosi pendengar (Baḥār, 2011).

Selain itu, Ṭabsiy (2013) yang menekankan pengenalpastian *iltifāt* dalam syair Mufdiy Zakariyyā mendapati kekerapan penggunaannya dalam tiga syair beliau. Syair tersebut bertajuk *al-Lahab al-Muqaddas*, *Taḥta Zilāl al-Zaytūn* serta *Min Wahy al-Atlas* (Ṭabsiy, 2013). Disimpulkan juga bahawa jenis *iltifāt* yang kerap digunakan oleh Mufdiy Zakariyyā dalam syairnya ialah *iltifāt* KGN ketiga kepada KGN dua, *iltifāt* KGN kedua kepada KGN ketiga serta *iltifāt* pola bilangan tunggal kepada pola bilangan jamak (Ṭabsiy, 2013).

Kajian Abdullahi (2014) pula melibatkan pengenalpastian *iltifāt* dalam bait Sasterawan Nigeria, Rijiyar Lemu versi bahasa Arab. Hasil kajian mendapati *iltifāt* KGN adalah kemuncak laras bahasa dalam suatu teks sastera Arab (Abdullahi, 2014). *Iltifāt* yang terkerap digunakan dalam syair Rijiyar Lemu ialah *iltifāt* KGN khususnya *iltifāt* KGN kedua kepada KGN ketiga (Abdullahi, 2014).

'Abd al-Sādat (2014) pula membahaskan tentang fenomena *iltifāt* KGN dalam karya *al-Kumayt*. Didapati bahawa *iltifāt* dalam syair *al-Kumayt* tidak hanya terbatas kepada *iltifāt* KGN tetapi juga melibatkan penggunaan *iltifāt* pola bilangan ('Abd al-Sādat, 2014). 'Abd al-Sādat (2014) menegaskan bahawa fungsi balaghah suatu elemen *iltifāt* tiada batasannya. Meskipun begitu, fungsi *iltifāt* dalam syair *al-Kumayt* cenderung kepada tiga tema, iaitu politik, agama dan sosial (Abd al-Sādat, 2014). Kajian Kharāb (2015) berkisarkan pengenalpastian *iltifāt* dalam novel secara umum. Dapatannya menunjukkan *iltifāt tardīdiy* dan *iltifāt tanāṣṣiy* adalah jenis *iltifāt* yang terkerap diserlahkan dalam karya novel Arab berbanding dengan *iltifāt* KGN (Kharāb, 2015). Ini bertujuan memvariasikan elemen bahasa, ujaran serta teknik penceritaan dalam novel (Kharāb, 2015).

Mas'ūdiy et al. (2017) pula menumpukan kepada penggunaan *iltifāt* dalam bait *Nāzik Malāikat*. Kajian mendapati meskipun ada *iltifāt* pola kata kerja, *iltifāt* pola bilangan dalam syair *Nāzik Malāikat*, namun *iltifāt* KGN mendominasi berbanding dengan *iltifāt* kategori lain (Mas'ūdiy et al., 2017). *Iltifāt* juga tiada batasan daripada sudut fungsi balaghah memandangkan fungsi *iltifāt* bergantung kepada konteks yang melatarinya (Mas'ūdiy et al., 2017). Kajian Waqqāf dan 'Ayd (2016) pula menyumbang kepada pengenalpastian *iltifāt* dalam puisi Ibn Muqbil. Waqqāf dan 'Ayd (2016) berpendapat meskipun ada *iltifāt* pola kata kerja dan *iltifāt* pola bilangan dalam bait Ibn Muqbil, namun *iltifāt* KGN mencapai pengulangan penggunaan tertinggi yang mana datang dengan tujuan seperti pujian, celaan, kepalingan dan penegasan.

Berdasarkan huraian di atas, kajian al-Khaṭīb (2006), Baḥār (2011), Ṭabsiy (2013), 'Abd al-Sādat (2014), Abdullahi (2014), Kharāb (2015), al-Hadrūsiy (2016), Waqqāf dan 'Ayd (2016) serta Mas'ūdiy et al. (2017) cenderung kepada pengenalpastian *iltifāt* KGN dalam Kesusasteraan Arab. Penyelidikan berkenaan tidak melibatkan pengenalpastian *iltifāt* KGN Ilahi dalam al-Quran, teknik terjemahannya ke bahasa Melayu mahupun penilaian kualiti terjemahan.

Sorotan Kajian *Iltifat* Selain *Iltifat* KGN dalam Al-Quran

Kajian untuk mengenal pasti *iltifāt* turut merangkumi elemen *iltifāt* selain *iltifāt* KGN yang terkandung dalam al-Quran. Ini melibatkan penyelidikan I'lāwiy dan al-Aḥmad (2007), Qurfiy (2014), Bāy (2015), Lakhḍar (2016), Wahyuningsih (2016), Asnawi (2017), Harti (2018) serta kajian Maksudi (2018). I'lāwiy dan al-Aḥmad (2007) menyumbang kepada pengenalpastian *iltifāt* pola bilangan dalam al-Quran. Dapatannya menunjukkan jenis *iltifāt* pola bilangan yang mendominasi ialah *iltifāt* pola tunggal kepada pola jamak dan *iltifāt* pola jamak kepada pola tunggal (I'lāwiy & al-Aḥmad, 2007).

Iltifāt pola bilangan kategori ini kerap digunakan dalam ayat al-Quran yang mengandungi konteks penceritaan mengenai zat Tuhan (I'lāwiy & al-Aḥmad, 2007). I'lāwiy dan al-Aḥmad (2007) berpendapat fungsi balaghah *iltifāt* pola tunggal kepada pola jamak cenderung kepada tujuan mengagungkan zat Allah. Manakala fungsi balaghah *iltifāt* pola jamak kepada pola tunggal cenderung kepada tujuan menegaskan konsep keesaan Tuhan (I'lāwiy & al-Aḥmad, 2007).

Kajian Qurfiy (2014) tertumpu kepada *iltifāt* pola bilangan, *iltifāt* pola kata serta *iltifāt* KGN dalam surah *al-Isrā'*. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa elemen *iltifāt* mempengaruhi pentafsiran ayat al-Quran (Qurfiy, 2014). Ini kerana *iltifāt* mengisyaratkan kepada makna implisit berdasarkan konteks ayat (Qurfiy, 2014). Bāy (2015) pula mengenal pasti *iltifāt* pola kata kerja, *iltifāt* pola kata, *iltifāt* pola bilangan dan *iltifāt* KGN dalam al-Quran secara umum. Dapatannya menunjukkan *iltifāt* datang dengan fungsi balaghah tertentu. Contohnya, ayat 257 daripada surah *al-Baqarah*:

﴿...وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَوْلِيَاؤُهُمُ الطَّاغُوتُ يُخْرِجُوهُمْ مِّنَ النُّورِ إِلَى الظُّلُمَاتِ...﴾

Maksudnya, "...dan penolong bagi golongan kafir ialah taghut yang mengeluarkan mereka daripada cahaya (iman) kepada kegelapan-kegelapan (kufur)...(257)" (al-Quran. *al-Baqarah*: 257).

Firman ini mengandungi *iltifāt* pola tunggal [النُّور] kepada pola jamak [الظُّلُمَات] (Bāy, 2015). al-Jawziyyat̄ (2004) berpendapat kata النُّور [cahaya] datang dengan pola tunggal mengisyaratkan bahawa agama yang berpaksikan kebenaran hanya satu, iaitu Islam. Berbeza dengan kata الظُّلُمَات [kegelapan-kegelapan] yang bercirikan jamak menunjukkan bahawa agama yang batil dan tiada tujuan adalah banyak (al-Jawziyyat̄, 2004). Makna implisit sebegini juga melatari ayat 153 surah *al-An'ām*:

﴿وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِ...﴾

Maksudnya, "Sesungguhnya inilah jalanKu yang lurus, maka ikutilah dan jangan ikuti jalan-jalan (yang lain) yang mana akan menceraikan kamu daripada jalan-Nya...(153)" (al-Quran. *al-An'ām*: 153).

Bāy (2015) mengatakan bahawa adanya pertukaran pola jamak [السُّبُل] kepada pola tunggal [السَّبِيل] dalam ayat ini dengan kata السَّبِيل [jalan] berunsur tunggal menggambarkan agama yang membawa kepada Tuhan hanyalah Islam. Kata السُّبُل [jalan-jalan] bercirikan jamak pula mengisyaratkan bahawa ada bermacam agama yang menyesatkan manusia daripada kebenaran (Bāy, 2015). Dalam pada itu, kajian Lakhḍar (2016) didapati memuatkan *iltifāt* pola bilangan, *iltifāt* pola kata kerja, *iltifāt* pola kosa kata serta *iltifat* KGN yang terkandung dalam surah *al-Kahf*.

Dapatannya menunjukkan dominasi *iltifāt* pola kata kerja dengan 21 kali pengulangan penggunaannya (Lakhḍar, 2016). Lakhḍar (2016) juga berpendapat *iltifāt* kosa kata terserlah dalam ayat 17 surah *al-Kahf*:

﴿وَتَرَى الشَّمْسَ إِذَا طَلَعَتْ تَزَاوَرُ عَن كَهْفِهِمْ ذَاتَ الْيَمِينِ وَإِذَا غَرَبَتْ تَقْرِضُهُمْ ذَاتَ الشِّمَالِ...﴾

Maksudnya, "Engkau akan melihat apabila matahari terbit, matahari condong dari gua mereka ke sebelah kanan dan apabila matahari berkenaan terbenam, matahari menjauhi mereka ke sebelah kiri...(17)" (al-Quran. *al-Kahf*: 17).

al-Syawkāniy (2007) menegaskan bahawa adanya *iltifāt* kosa kata dalam firman ini dengan kata تَزَاوَرُ ditukarkan kepada kata تَقْرِضُ dan kedua-duanya berkisarkan makna yang sama. Ini kerana daripada sudut bahasa, kata تَزَاوَرُ bermaksud condong [تَسْمَانًا] manakala kata تَقْرِضُ pula diertikan sebagai perlakuan meninggalkan sesuatu [تَتْرُكُ الشَّيْءَ] (al-Syawkāniy, 2007). Maka, rangkai kata تَزَاوَرُ عَن كَهْفِهِمْ ذَاتَ الْيَمِينِ bermaksud matahari condong ke arah Timur penghuni gua [aṣḥāb al-kahf] ketika terbit dan rangkai kata إِذَا غَرَبَتْ تَقْرِضُهُمْ ذَاتَ الشِّمَالِ mengisyaratkan bahawa matahari meninggalkan mereka dari arah Barat ketika terbenam (al-Syawkāniy, 2007).

Oleh hal yang demikian, kata تَزَاوَرُ dan kata تَقْرِضُ datang dengan makna yang sama, iaitu condong dan meninggalkan sesuatu (al-Syawkāniy, 2007). Di samping itu, Wahyuningsih (2016) menemukan enam jenis *iltifāt* dalam 19 ayat surah *al-A'rāf*. Enam kategori berkenaan ialah *iltifāt* pola kata, *iltifāt* pola partikel, *iltifāt* pola kosa kata, *iltifāt* pola bilangan, *iltifāt* pola ayat dan *iltifāt* KGN (Wahyuningsih, 2016). Didapati bahawa *iltifāt* KGN mencapai kekerapan penggunaan tertinggi dengan enam kali pengulangan penggunaannya (Wahyuningsih, 2016).

Kajian Asnawi (2017) pula meninjau *iltifāt* yang terkandung dalam juzuk 30 al-Quran. Dapatannya menunjukkan *iltifāt* adalah gaya bahasa paling menonjol dalam juzuk 30 yang melibatkan *iltifāt* kata, *iltifāt* bilangan, *iltifāt* ayat dan *iltifāt* KGN (Asnawi, 2017).

Disimpulkan juga bahawa *iltifāt* KGN paling berpengaruh berbanding dengan *iltifāt* kategori lain (Asnawi, 2017). Harti (2018) pula mengkaji *iltifāt* dalam surah *al-Nisā'*. Kedapatan 39 *iltifāt* dalam surah ini yang terdiri daripada *iltifāt* pola kata, *iltifāt* pola bilangan, *iltifāt* pola kosa kata, *iltifāt* pola partikel, *iltifāt* pola ayat serta *iltifāt* KGN (Harti, 2018). Namun, *iltifāt* partikel mencapai pengulangan penggunaan tertinggi dengan 12 kali kekerapan penggunaannya dalam surah *al-Nisā'* (Harti, 2018).

Misalnya, Allah berfirman:

﴿وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ إِنْ خِفْتُمْ أَنْ يَفْتِنَكُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا...﴾

Maksudnya, "Dan apabila kamu bermusafir, maka kamu tidaklah berdosa memendekkan rakaat solat seandainya kamu takut diserang oleh orang kafir...(101)" (al-Quran. *al-Nisā'*: 101).

Harti (2018) menegaskan bahawa ayat ini memaparkan *iltifāt* partikel *إِنْ* kepada partikel *بِ*. Hakikatnya, *iltifāt* pola partikel kategori ini terbanyak diserlahkan dalam surah *al-Nisā'*, iaitu dalam ayat 6, 25, 62, 101 dan ayat 102 surah *al-Nisā'* (Harti, 2018). Seterusnya, kajian Maksudi (2018) pula memuatkan pengenaltastian *iltifāt* yang terkandung dalam surah *al-Nisā'* dan surah *al-Tawbah*. Dapatannya menunjukkan surah *al-Nisā'* menggunakan *iltifāt* pola kata, *iltifāt* bilangan, *iltifāt* kosa kata, *iltifāt* ayat serta *iltifāt* KGN yang berjumlah 16 (Maksudi, 2018). *Iltifāt* KGN mendominasi berbanding *iltifāt* kategori lain dengan 11 kali kekerapan penggunaannya (Maksudi, 2018). Hasil kajian Maksudi (2018) juga memaparkan adanya 14 elemen *iltifāt* dalam surah *al-Tawbah* yang melibatkan lima jenis, iaitu *iltifāt* pola kata, *iltifāt* bilangan, *iltifāt* partikel, *iltifāt* pola ayat serta *iltifāt* KGN.

Didapati *iltifāt* KGN mendominasi berbanding *iltifāt* jenis lain dalam surah *al-Tawbah* dengan empat kali pengulangan penggunaannya (Maksudi, 2018). Oleh hal yang demikian, kajian I'lāwiy dan al-Ahmad (2007), Qurfiy (2014), Bāy (2015), Lakhdar (2016), Wahyuningsih (2016), Asnawi (2017), Harti (2018) serta kajian Maksudi (2018) cenderung kepada pengenaltastian lima jenis *iltifāt* dalam al-Quran selain *iltifāt* KGN. Lima jenis ini melibatkan *iltifāt* pola perkataan, *iltifāt* pola bilangan, *iltifāt* pola partikel, *iltifāt* pola kosa kata dan *iltifāt* pola ayat. Meskipun begitu, aspek *iltifāt* KGN Ilahi, teknik terjemahannya ke bahasa Melayu serta penilaian kualiti terjemahannya tidak diberikan tumpuan.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian menunjukkan 61 penyelidikan memfokuskan fenomena *iltifāt* dengan tema seperti dalam jadual berikut:

Tema	Sarjana	Sarjana Muda (latihan akademi)	Jurnal	Buku	Jumlah	%
Sejarah perkembangan gaya bahasa <i>iltifāt</i>			13	1	14	22%
Pengenaltastian <i>iltifāt</i> dan kehalusan makna dalam surah	6	7	7		20	32%
Pengenaltastian <i>iltifāt</i> dan kehalusan			2		2	3%

makna dalam hadis				
Pengenalpastian <i>iltifāt</i> dan kehalusan makna dalam sastera	3	6	9	14%
Penterjemahan <i>iltifāt</i> dalam al-Quran ke bahasa sasaran	1	14	15	24%
Elemen <i>iltifāt</i> dalam penentuan hukum syarak		1	1	1%

Jadual 1: Kekерapan Dan Peratusan Tema Kajian Berkaitan *Iltifāt*

Berdasarkan jadual 1, ada enam tema penyelidikan berkaitan fenomena *iltifāt* dan kebanyakannya cenderung kepada aspek pengenalpastian elemen *iltifāt* dan kehalusan makna dalam al-Quran berteraskan surah, iaitu surah al-Fātiḥat (al-Bannāniy, 1993; Īmān, 2015), surah al-Baqarat (al-Dulaymiy & Nūrī, 2009; Khotijah, 2011; Hibāl, 2016; ‘Arafāt, 2017; Arsyad, 2018), surah Āli ‘Imrān (Khadījat, 2015; Maqriy, 2016), surah al-Nisā’ (Harti, 2018; Maksudi, 2018), surah al-An‘ām (Būtra‘at, 2013), surah al-A‘rāf (Wahyuningsih, 2016), surah Yūnus (Rābhī, 2014; Fatimah, 2015; Mahnāwiyy, 2018), surah al-Naḥl (Abdullah, 2018), surah al-Isrā’ (Qurfiy, 2014), surah al-Kahf (Lakhḍar, 2016) dan surah Maryam (Elzahra, 2017).

Suatu yang pasti ialah kajian *iltifāt* paling terserlah pada platform jurnal berbanding platform selainnya dengan peratusan 70% dan perbincangannya didominasi oleh penyelidik antarabangsa. Hanya Mohd Shahrizal dan Kamarul Shukri (2012) serta Ma‘ahad (2018), iaitu penyelidik tempatan yang memfokuskan fenomena *iltifāt* KGN dalam al-Quran namun terbatas pada teoritikal tanpa perkaitan dengan *iltifāt* KGN Ilahi dan isu padanan makna dalam bahasa sasaran iaitu bahasa Melayu.

Jika diamati, tema kedua terbanyak yang difokuskan oleh para sarjana adalah penterjemahan *iltifāt* dalam al-Quran ke bahasa sasaran, iaitu bahasa Inggeris (Dawood, 2008; al-Quran dan al-Azzam, 2009; Ibraheem & al-Bagoa’, 2010; Mirdehghan et al., 2012; al-Badani et al., 2014a; al-Badani et al., 2014b; al-Badani et al., 2015; al-Badani et al., 2016, Amirdabbaghian, 2017; Horri, 2019), penterjemahan *iltifāt* KGN ke bahasa Perancis (Būsyāqūr, 2008), bahasa Jerman (Ali, 2020), bahasa Turki (Ozdas, 2020) mahupun bahasa Indonesia (al-Farisi, 2015; al-Farisi, 2017).

Namun, kajian-kajian berkenaan hanya mengetengahkan isu terjemahan *iltifāt* KGN dalam al-Quran secara umum dan cadangan teknik terjemahannya tanpa menekankan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi secara khusus, teknik terjemahannya ke bahasa Melayu serta penilaian kualiti terjemahannya dari sudut kebolegunaan. Hal ini demikian kerana fenomena *iltifāt* semakin rumit apabila pertukaran KGN dalam al-Quran melibatkan KGN Ilahi, iaitu KGN pertama pola jamak [نَحْنُ], KGN pertama pola tunggal [أَنَا] dan KGN ketiga [هُوَ] yang mana ketiga-tiganya merujuk kepada entiti yang sama, iaitu Allah.

Kekerapan terjemahan *iltifāt* KGN secara literal mengundang terjemahan yang kurang maklumat memandangkan berbezanya sistem bahasa dan budaya antara bahasa Arab dengan bahasa sasaran (al-Farisi, 2017). Terjemahan selaku produk seharusnya menjadi bahan mudah akses dan difahami oleh pembaca sasaran, iaitu pengguna. Tahap kesenangan pembaca sasaran ketika menggunakan sesuatu produk adalah selari dengan konsep kebolegunaan dan melalui konsep ini, kualiti terjemahan dapat ditentukan.

PENUTUP

Tinjauan literatur secara tematik dan statistik deksriptif menjelaskan isu berkaitan kajian gaya bahasa *iltifāt* dari sudut sejauh mana sumbangan para sarjana dalam penyelidikan berkaitan *iltifāt* dan mengesan kelompangan kajian terdahulu. Suatu yang jelas ialah kajian tersebut cenderung kepada ciri kualitatif secara deskriptif semata-mata yang memfokuskan kepada isu fenomena *iltifāt* KGN dalam al-Quran tanpa mengkhususkan kepada KGN Ilahi dan teknik terjemahannya ke bahasa Melayu.

Pertukaran KGN secara drastik dan penggunaan KGN jamak Ilahi menyebabkan kekaburan terjemahan *iltifāt*. Teknik terjemahan yang dicadangkan dalam literatur terdahulu sewajarnya diuji secara praktikal daripada sudut kebolegunaan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi dalam al-Quran agar selari dengan aspek penilaian kualiti terjemahan. Kebolegunaan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi dalam al-Quran seharusnya dinilai oleh pembaca sasaran memandangkan pendapat, maklum balas dan persepsi mereka adalah signifikan dalam penghasilan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi.

Hal ini demikian kerana pembaca sasaran hakikatnya merupakan pengguna akhir bagi teks terjemahan. Ini membolehkan pendekatan yang mampan dirangka untuk menterjemahkan *iltifāt* KGN Ilahi dalam al-Quran sekaligus memudahkan pembaca sasaran untuk memahaminya.

RUJUKAN**Buku**

Al-Qur'an al-Karim.

'Azfaṭ, A. A. (1985). *Qaḍiyyat al-i'jāz al-Qur'āniyy wa atharuhā fī tadwīn al-balāghat al-'Arabīyyat*. Beirut: 'Ālam al-Kutub.

Al-Ālūsīy, S. A. (1994). *Rūḥ al-ma'āniyy fī tafsīr al-Qur'an al-'Aẓīm wa al-Sab' al-Mathāniyy* ('Aṭiyyat, A., Ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Aṣfahāniyy, A. (1992). *al-Mufradāt fī gharīb al-Qur'ān* (Kaylāniyy, M. S., Ed.). Beirut: Dār al-Ma'rifah.

Al-Bāqillāniyy, M. T. (1997). *I'jāz al-Qur'ān* (Ṣaqr, S. A., Ed.) (5th ed.). Cairo: Dār al-Ma'ārif.

Al-Fayrūzābādiyy. (2005). *al-Qāmūs al-muḥīṭ* (al-'Arqasūsīy, M. N., Ed.). Beirut: Muassasat al-Risālah.

Al-Ḥātimīy, M. H. M. (1979). *Halīyyat al-muḥāḍarat fī ṣinā'at al-syi'r* (al-Kitāniyy, J., Ed.). Baghdad: Dār al-Rasyīd li al-Nasyr.

Al-Jawziyyat, I. Q. (2004). *Badāi' al-fawā'id* (al-'Umrān, A. M., Ed.). Mecca: Dār 'Ālam al-Fawā'id li al-Nasyr wa al-Tawzī'.

Al-Jurjāniyy, A. (2017). *Kitāb al-ta'rīfāt*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabīy li al-Ṭibā'aṭ wa al-Nasyr wa al-Tawzī'.

Al-Madaniyy, A. A. (1968). *Anwār al-rabī' fī anwā' al-badī'* (Syukr, S. H., Ed.). Najaf, Iraq: Maṭba'at al-Nu'mān.

Al-Maṭā'niyy, A. I. M. (1992). *Khaṣāiṣ al-ta'bīr al-Qur'āniyy wa simātihi al-balāghīyyat*. Cairo: Maktabah Wahbah.

Al-Maydāniyy, A. (1996). *al-Balāghat al-'arabīyyat: Asasuhā wa 'ulūmuhā wa funūnuhā*. Damascus, Syria: Dār al-Qalam li al-Ṭibā'aṭ wa al-Nasyr wa al-Tawzī'.

Al-Ṣa'īdiyy, A. (1999). *Bughyat al-īdāḥ li talkhīṣ al-miftāḥ fī 'ulūm al-balāghat*. Cairo: Maktabat al-Ādāb.

Al-Suyūṭiyy, A. (2005). *al-Itqān fī 'ulūm al-Qur'ān* (Markaz al-Dirāsāt al-Qur'āniyyat, Ed.). Medina: Mujamma' al-Malik Fahd li Ṭibā'aṭ wa al-Muṣḥaf al-Syarīf.

Al-Syawkāniyy, M. A. M. (2007). *Fath al-qadīr: al-Jāmi' bayn fannay al-riwāyat wa al-dirāyat min 'ilm al-tafsīr* (4th ed.). Beirut: Dār al-Ma'rifah.

Al-Qarṭājāniyy, H. (1986). *Minhāj al-bulaghā' wa sirāj al-udabā'* (Ibn al-Kḥujat, A. Ed.). Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmiyy.

Abū 'Ubaydat, M. M. (1981). *Majāz al-Quran* (Sizkīn, M. F., Ed.). Beirut: Dār al-Mu'assasah.

Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. (2014). *Kaedah penyelidikan sosial*

- daripada perspektif islam. Bangi, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dawson, C. (2002). *Practical research methods: a user-friendly guide to mastering research*. Oxford: How To Books.
- Dayf, S. (2003). *al-Balāghat: Taṭawwur wa tārīkh* (14th ed.). Cairo, Egypt: Dār al-Ma'ārif.
- Ḥusayn, A (1984). *Fann al-balāghat* (2nd ed.). Beirut: 'Ālam al-Kutub.
- Ibn al-Athīr, D. (١١٦٠). *al-Mathal al-sāir fī adab al-kātib wa al-syā'ir* (al-Ḥūfiy, A., & Ṭabānaṭ, B., Eds.). Cairo: Dār Nahḍaṭ li al-Ṭibā'aṭ wa al-Nasyr wa al-Tawzī'.
- Ibn Fāris, A. (1979). *Maqāyīs al-lughat* (Hārūn, A., Ed.). Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Kathīr, I. A. (1998). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Manzūr, J. M. M. (1993). *Lisān al-'Arab* (3th ed.). Beirut, Lebanon: Dār Ṣādir.
- Ismā'īl, M. B. (1997). *al-Qawā'id al-fiqhiyyat bayn al-aṣālat wa al-tawjīh*. Cairo: Dār al-Manār li al-Ṭab' wa al-Nasyr wa al-Tawzī'.
- Ma'ahad Mokhtar. (2018). *Uslūb al-iltifāt wa dalālātuhu fī al-Qur'ān al-Karīm: Dirāsāt taṭbīqiyyat*. Gombak: IIUM Press.
- Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan tindakan: kaedah dan penulisan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Freemind Horizon Sdn. Bhd.
- Sībūkar, I. A. A. (2017). *al-Iltifāt fī al-Qur'ān al-Karīm*. Amman: Dār al-Mu'tazz li al-Nasyr wa al-Tawzī'.
- Ṭabl, H. (1998). *Uslūb al-iltifāt fī al-balāghat al-qur'āniyyat*. Cairo: Dār al-Fikr al-'Arabiy.
- Al-Zamakhsyariy, M. U. (1998). *Asās al-balāghat* ('Uyūn al-Sūd, M. B., Ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zamakhsyariy, A. (2009). *Tafsīr al-Kasysyāf* (3rd ed.). Beirut: Dār al-Ma'rifah.

Jurnal

- 'Abd al-Sādaṭ, M. B. A. (2014). Uslūb al-iltifāt fī ḥasyimiyyāt al-Kumayt. *Journal of Human Sciences*, 1(2), 35-48.
- 'Arafāt, U. A. (2017). Athar al-siyāq 'alā uslūb al-iltifāt al-muta'allaq bi banī Isrā'īl fī sūrat al-Baqarat. *Dirasat: Human and Social Sciences*, 44(4).
- Al-Badani, N. A. M. A., Mat Awal, N., Zainudin, I., & Aladdin, A. (2014a). Referenc switching (iltifāt) in Arabic and its translation into English: An intertextual analysis. *International Journal of Asian Social Sciences*, 4(6), 791-805.
- Al-Badani, N. A. M. A., Mat Awal, N., Zainudin, I., & Aladdin, A. (2014b). The implicature of reference switching (iltifāt) from second person to third person in the translation of sūrat al-Baqarah. *Arab World English Journal (AWEJ)*, (3), 75-87.
- Al-Badani, N. A. M. A., Mat Awal, N., & Zainudin, I. S. (2015). The translation of reference switching (iltifāt) in surat al-Baqarah. *Proceedings of the International Conference on Social Sciences & Humanities (ICOSH UKM2012), Special Issue 2*, 140-148.
- Al-Badani, N. A. M. A., Mat Awal, N., Zainudin, I. S., & Aladdin, A. (2016). Expansion strategy in the translation of iltifāt in sūrat al-Baqarah. *Arab World English Journal (AWEJ)*, 7(5), 54-65.
- Al-Dulaymiy, A. A. S., & Nūrī, M. M. (2009). Fann al-iltifāt fī al-qirā'āt al-sab': Sūrat al-Baqarat un-mūdhajan. *Adab Al Rafidayn*, (55), 204-224.
- Al-Farisi, M. Z. (2015). Speech act of iltifat and its indonesian translation problems. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 4(2), 78-90.
- Al-Farisi, M. Z. (2017). *The translation of iltifat verses: An analysis of translation ideology*. *Conference Proceedings of the Tenth Conference on Applied Linguistics and the Second English Language Teaching and Technology Conference in collaboration with the First International Conference on Language, Literature, Culture, and Education (CONAPLIN and ICOLLITE 2017), Bandung, Indonesia*.
- Al-adrūsiy, S. M. (2016). Ṣāhiraṭ al-iltifāt fī namādhij min syi'ir al-Kumayt bin Zayd al-Asadiy: Dirāsāt uslūbiyyat taḥlīliyyat. *Qirā'āt*, 6(6), 9-65.
- Al-Quran, M., & Al-Azzam, B. (2009). Apostrophe: A rhetorical device of the Qur'an. *US-China Foreign Language*, 7(4). 1-15.

- Al-Zagūl, M. (2005). al-Iltifāt fī al-qirā'āt al-qurāniyyaṭ. *al-Majallat al-Urduniyyaṭ fī al-Dirāsāt al-Islāmiyyaṭ*, 2(1), 79-109.
- Abdel Haleem, M. A. S. (1992). Grammatical shift for rhetorical purposes: Iltifāt and related features in the Qur'ān. *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, 55(3), 407-432.
- Abdullahi, J. (2014). Zāhiraṭ al-iltifāt fī qaṣā'id al-Duktūr Muḥammad al-Thāniy 'Umar Rijayr Laymū: Dirāsaṭ balāghiyyaṭ tahlīliyyaṭ, 1-18.
- Aḥmad, F., & Sakrān, H. B. (2010). al-Iltifāt fī aḥādīth al-du'ā' al-nabawiy al-syarīf. *Journal of Education and Science*, 17(46), 115-129.
- Ali, A. M. A. (2020). The arabic stylistic device "iltifat" and its translation into german through three translations of the holy Qur'an. *Egyptian Journals*, 25(2), 871-908.
- Amirdabbaghian, A. (2017). Translation of power and solidarity pronouns in qur'anic rhetoric. *Journal of Language and Translation*, 7(3), 65-73.
- Asnawi, A. R. (2017). Uslūb Iltifāt fī al-juz' al-akhīr min al-Qur'ān al-Karīm. *Lisanudhad*, 4(1), 121-137.
- Bāy, M. B. (2015). al-Binyaṭ al-ṣarfiyyaṭ bayn al-'udūl wa al-Iltifāt. *Majallat al-Ṣawtiyyaṭ*, 11(1), 105-116.
- Būqumraṭ, U. (2019). Muṣṭalaḥ al-Iltifāt min al-rasīs ilā al-ta'sīs. *Dirāsāt mu'āṣiraṭ*, 3(2), 145-150.
- Būtra'at, A. (2013). Ṣuwar wa dilālāt al-Iltifāt fī sūraṭ al-An'ām. *Majallat 'Ulūm al-Luḡaṭ al-'Arabiyyaṭ wa Ādābihā*, 5(5), 150-164.
- Dawood, M. A. (2008). The rhetorical purposes of tense shift in qur'anic verses with reference to English. *Tikrit University Journal for Humanities*, 15(11), 39-54.
- Fuwāṭiḥ, A. (2011). Istinbāt al-aḥkām al-fiqhiyyaṭ wa al-bayāniyyaṭ min khilāl uslūb al-Iltifāt. *Algerian Scientific Journal Platform*, 2(3).
- Hamadāniy, K. (2016). al-Iltifāt fī ḥadīth al-nabawiy al-syarīf. *Majallat al-Qism al-'Arabiyy*, (23), 132-167.
- Horri, A. (2019). Semantic strategy: A dominant method in translating iltifat in three english translations of the Quran. *Translation Studies Quarterly*, 17(66), 7-22.
- I'lāwiyy, N. M., & al-Aḥmad. A. M. (2007). al-Iltifāt al-'adadiyy fī namādhij min al-Qur'ān al-Karīm, *Dirasat: Human and Social Sciences*, 34.
- Ibraheem, Q. B., & al-Bagoa', M. A. (2010). Grammatical shifts in the glorious qur'an and their renderings into english. *Adab Al Rafidayn*, (57), 684-709.
- Īmān, B. (2015). al-Iltifāt fī al-niṣf al-awwal min al-Qur'ān al-Karīm. *Majallat al-Tawāṣuliyyaṭ*, 1(3), 95-124.
- Khalayfāt, A. A. (2015). Uslūb al-iltifāt fī al-qur'ān al-karīm wa juhūd asyhar al-luḡawiyyīn wa al-nuḥāt fī dirāsatihi. *Majallat al-Buḥūth al-Dirāsāt fī al-Ādāb wa al-'Ulūm wa al-Tarbiyyaṭ*, 2(4), 44-64.
- Kharāb, L. (2015). Iltifāt al-iltifāt min al-taṭbīq al-balāghiy ilā al-sardiyyāt al-'arabiyyaṭ al-mu'āṣiraṭ: Namādhij ijrāiyyaṭ min al-munjiz al-riwāiy al-'Arabiyy. *Majallat al-'Ulūm al-Insāniyyaṭ*, 26(2), 751-768.
- Mahnāwiyy, A. (2018). Uslūb al-iltifāt fī al-Qur'ān al-Karīm wa atharuhu fī iqnā' al-mutalaqqiy: Sūraṭ yūnus unmūdhajan. *Majallat al-Ādāb wa al-'Ulūm al-Insāniyyaṭ*, 11(22), 211-232.
- Mirdehghan, M., Zahedi, K., & Nasiri, F. (2012). Iltifat, grammatical person shift and cohesion in the holy quran. *Global Journal of Human Social Science*, 12(2), 45-52.
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2012). al-I'jāz al-bayāniyy pada ayat-ayat al-Quran: Satu kajian terhadap uslūb al-Hakīm dan Iltifāt. *Jurnal Darul Quran*, 16(1), 53-90.
- Nāṣīf, N. M. (2014). al-Iltifāt wa iḥkām mābānī al-qaṣā'id. *Journal of Studies on Arabic Language and Literature*, 5(17), 113-132.
- Ozdas, H. (2020). Translation problem of iltifat art in translation of Qur'ān. *Journal of Ilahiyat Researches*, 1(53): 93-113.

- Qaḥṭān, T. A. (2005). al-Iltifāt fī al-balāghat al-‘arabiyyat wa namādhij min asrār balāghatihi. *Journal of Social Studies*, 10(1), 1-30.
- Ṭabsiyi, I. (2013). Jamāliyyat al-iltifāt fī al-khiṭāb al-syi‘riy ‘inda muftiy Zakariyyā *Majallat ‘Ulūm al-Lughat al-‘Arabiyyat wa ‘Ādābihā*, 5(5), 136-149.
- Takūk, A. (2018). al-Iltifāt khāṣiyyat uslubīyyat. *Djousour El-maarefa*, 4(4), 336-347.
- Waqqāf, H., & ‘Ayd, R. S. (2016). al-Iltifāt fī dīwān ibn Muqbil. *Tishreen University Journal for Research and Scientific Studies - Arts and Humanities Series*, 38(1), 117-137.

Tesis

- Al-Bannāniy, K. M. A. (1993). *al-Iltifāt fī al-qur’ān al-karīm ilā akhir sūrat al-Kahf*. Tesis Sarjana. Mecca: Universiti Umm Al-Qura.
- Al-Khaṭīb, M. M. F. (2006). *Uslūb al-iltifāt fī al-syi‘r al-Baraddūniy*. Tesis Sarjana. Irbid: Universiti Yarmouk.
- Arsyad, B. (2018). *Uslūb al-iltifāt dalam surah al-Baqarah: Studi analisis ilmu balaghah*. Tesis Sarjana. Makassar: Universiti Islam Negeri Alauddin.
- Baḥār, S. (2011). *Uslūbiyyat al-iltifāt fī al-khiṭābat al-umawīyyat: al-Khuṭbat al-bitrā’ li ziyād bin abīhi unmuḍhajan*. Tesis Sarjana. Oum El Bouaghi: Universiti of Oum El Bouaghi.
- Būsyāqūr, Z. (200[^]). *Uslūb al-iltifāt wa tarjamatuhu ilā al-lughat al-faransiyyat: Dirāsāt naqdiyyat muqāranat min khilāl thalāth namādhij li tarjamāt al-Qur’ān*. Tesis Sarjana. Constantine: University of Constantine.
- Elzahra, M. U. (2017). *Uslūb al-iltifāt fī sūrat Maryam: Dirāsāt taḥlīliyya balāghīyyat*. [Unpublished dissertation]. Yogyakarta: Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Fatimah, E. (2015). *Uslūb al-iltifāt wa asrāruhu al-balāghīyyat: Dirāsāt taṭbīqiyyat ‘alā sūrat yūnus*. Projek Ilmiah. Jakarta: Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Harti, R. A. (2018). *Uslūb al-iltifāt fī sūrat al-Nisā’: Dirāsāt taḥlīliyyat balāghīyyat*. [Unpublished academic exercise]. Yogyakarta: Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Hibāl, M. (201[^]). *Balāghat uslub al-iltifāt fī al-Qur’ān al-Karīm wa asrāruhu*. Tesis Sarjana. Ouargla: University of Ouargla.
- Khotijah, S. (2011). *Dirāsāt taḥlīliyyat ‘an iltifāt al-ḍamīr fī sūrat al-Baqarat ayat 286*. Projek Ilmiah. Semarang: Universiti Islam Negeri Walisongo.
- Lakhḍar, I. (2016). *Uslūb al-iltifāt fī al-Qur’ān al-Karīm: Sūrat al-Kahfi unmuḍhajan*. Tesis Sarjana. Mostaganem: University Abdelhamid Ibn Badis.
- Maksudi, F. (2018). *Uslūb al-iltifāt fī sūratay al-Nisā’ wa al-Tawbat: Dirāsāt taḥlīliyyat balāghīyyat* [Unpublished academic exercise]. Yogyakarta: Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Mas’ūdiy, S., & Mas’ūdiy, L. (201[^]). *Jamāliyyat uslub al-iltifāt fī syi‘r nāzik al malāikat: al-Mujallad al-awwal min al-dīwān unmuḍhajan*. Tesis Sarjana. Bouira: University of Bouira.
- Qurfīy, J. (2014) . *Uslūb al-iltifāt fī al-Qur’ān al-Karīm wa atharuhu fī al-tafsīr: Dirāsāt taṭbīqiyyat ‘alā sūrat al-Isrā’*. [Unpublished master’s thesis]. El Oued: University Hamma Lakhdar Eloued.
- Rābhī, M. (2014). *Uslūb al-iltifāt bi maqāmāt al-ḍamāir: Sūrat Yūnus unmuḍhajan*. Tesis Sarjana. Biskra: University Mohamed Khider Biskra.
- Wahyuningsih, S. (2016). *Uslūb al-iltifāt fī sūrat al-A’rāf: Dirāsāt balāghīyyat*. [Unpublished academic exercise]. Yogyakarta: Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.